

MESYUARAT JAWATANKUASA (JK) INDUK EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) JABATAN
ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA BIL 1/2021

22 November 2021, MELAKA - Mesyuarat JK Induk EKSA Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka Bil 1/2021 telah diadakan pada 19 November 2021 dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Tujuan mesyuarat JK Induk EKSA diadakan untuk mengaktifkan semula aktiviti EKSA selepas tertangguh akibat pandemik Covid-19.

Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk menyemak semula Carta Organisasi JK Induk EKSA, membentangkan cadangan Jadual Perbatuan EKSA bagi pelaksanaan aktiviti EKSA sepanjang tahun 2022 dan penerangan ringkas kepada JK Induk Pelaksanaan EKSA sepertimana garis panduan yang diterbitkan oleh JAS Melaka pada tahun 2018.

Diharap JK Induk yang dibentuk memberi kerjasama yang baik di dalam menjayakan pelaksanaan EKSA di Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama